

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI SELASA : 26 NOVEMBER 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 7, NO. 12 HINGGA NO. 47 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan pembangunan di kawasan pintu masuk sempadan Malaysia - Indonesia (termasuk di Ba'kelalan Lawas) dengan mengambil kira wujudnya Nusantara sebagai ibu negara Indonesia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa meneliti keperluan pembangunan baharu atau menaik taraf kemudahan imigresen di pintu-pintu masuk dari semasa ke semasa termasuklah di kesemua Kompleks ICQS dan Pos Kawalan Imigresen di sempadan Malaysia-Kalimantan, Indonesia. Pada masa ini terdapat 11 pintu masuk antarabangsa darat yang aktif di sempadan Malaysia – Indonesia dengan melibatkan 10 pintu masuk di Sarawak dan 1 pintu masuk di Sabah. Malaysia dan Indonesia juga sedang merundingkan 1 pintu masuk baharu iaitu di Serudong, Kalabakan dengan Simanggaris di Kalimantan Utara.

Kerajaan telah meluluskan kerja-kerja membina dan menaik taraf beberapa ICQS dan Pos Kawalan Imigresen di sekitar persempadanan Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, Kementerian Dalam Negeri telah diluluskan peruntukan sebanyak RM208.1juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang melibatkan projek:

- a) Pembinaan Pos dan Kuarters Telok Melano, Sematan, Sarawak;
- b) Pembinaan Pos dan Kuarters Imigresen Serikin, Bau, Sarawak;
- c) Naiktaraf Kompleks ICQS Tebedu, Serian, Sarawak;
- d) Projek Sempadan Sabah - Pembinaan ICQS Sementara di Bantul, Pagalungan, Nabawan, Sabah; dan
- e) Projek Sempadan Sabah - Kerja Awalan Bagi Pembinaan ICQS Serudong, Kalabakan, Sabah.

## **NO SOALAN : 7**

Bagi pelaksanaan Kerja-kerja Awalan bagi Pembinaan ICQS Serudong, Kalabakan, Sabah, lokasi berkenaan belum dipersetujui oleh pihak Indonesia sebagai titik lintas sempadan/Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) di titik A708 oleh kedua-dua negara.

Manakala bagi projek pembinaan Pos Kawalan dan Kwarters Imigresen Ba'kelalan, Sarawak, status kemajuan projek terkini telah mencapai 99 peratus yang dijangka siap pada awal tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN  
ABDULLAH [ROMPIN]**  
**TARIKH** : **26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pengenalan kepada pelaksanaan e-Invois mampu menangani ancaman siber dan risiko keselamatan dalam talian seperti kebocoran data peribadi dan penyalahgunaan maklumat sensitif terutamanya kepada pembayar cukai di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan e-Invois secara berfasa mulai 1 Ogos 2024 merupakan suatu mekanisme untuk meningkatkan pematuhan cukai dan seterusnya membantu Kerajaan dalam menangani masalah ekonomi bayangan. Melalui pelaksanaan e-Invois dan juga inisiatif *Tax Identification Number* (TIN) yang telah diperkenalkan terdahulu mulai tahun 2022, penyaluran data invois secara real time akan meningkatkan kecekapan pengesanan trend aktiviti ekonomi, analisa risiko serta audit dan siasatan secara lebih tepat.

Berhubung keselamatan data bagi pelaksanaan e-Invois, Kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) akan memberi keutamaan untuk memastikan data dalam Sistem MyInvois sentiasa terjamin dari segi keselamatannya, iaitu melalui pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT LHDN dan Garis Panduan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan Dalam Perkhidmatan Awam serta Pekeliling berkaitan keselamatan ICT Kerajaan yang berkuat kuasa.

Bagi memastikan keselamatan data terpelihara, LHDN juga sentiasa komited untuk mematuhi piawaian antarabangsa melalui pensijilan seperti *Information Security Management System* dan *Business Continuity Management System* serta piawaian lain yang berkaitan pengurusan dan keselamatan data. Untuk melindungi data e-Invois daripada capaian, pengubahsuaian, kehilangan atau pendedahan yang tidak dibenarkan, LHDN melaksanakan langkah-langkah keselamatan siber sejajar dengan piawaian industri yang sesuai, termasuk enkripsi, pengesahan, kawalan capaian, *firewall* dan sebagainya.

Selain itu, LHDN melaksanakan tadbir urus data (*Data Governance*) berdasarkan piawaian industri, memastikan pemprosesan maklumat yang sensitif dengan selamat mengikut peraturan dan membataskan akses kepada individu yang dibenarkan sahaja. Pendekatan ini adalah bagi melindungi hak privasi individu dan mengekalkan kepercayaan dalam

protokol pengurusan data selepas e-Invois mula dilaksanakan di Malaysia.

LHDN turut menjalankan *Security Posture Assessment (SPA)* secara berkala dengan pihak ketiga yang dilantik termasuklah sentiasa bekerjasama dengan pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan keselamatan sistem MyInvois **berada pada tahap tertinggi** serta untuk mengatasi risiko keselamatan dan ancaman siber seperti penggodaman dan pelanggaran data.

LHDN akan sentiasa menyemak dan menambah baik amalan perlindungan data secara berterusan berdasarkan aktiviti pemantauan dan audit secara berkala untuk mengenal pasti dan menangani sebarang kekurangan, kelemahan atau peluang untuk penambahbaikan dalam dasar-dasar perlindungan data, kawalan, prestasi atau insiden.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah yang boleh diambil dan perancangan bagi jangka masa panjang dan pendek bagi menyelesaikan isu sistem pembedungan di kampung-kampung yang telah diwartakan tetapi masih tidak mempunyai sistem pembedungan yang sempurna demi menjaga kesihatan awam dan alam sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menyelesaikan isu sistem pembedungan di kampung-kampung yang telah diwartakan tetapi masih tidak mempunyai sistem pembedungan yang sempurna, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak boleh menggunakan sistem perakuan dan pengawalan mengikut perundangan dan Garis Panduan yang sedang digunakan di Semenanjung dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) seperti Garis Panduan Industri Pembedungan Malaysia atau '*Malaysian Sewerage Industry Guidelines*' (MSIG). Garis Panduan ini dapat membantu Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menambah baik sistem pembedungan dan seterusnya menangani isu berkaitan sistem pembedungan.

2. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga boleh mempertimbangkan untuk mewujudkan dana seumpama Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan (KWSMP), seperti yang telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia iaitu, 1% daripada nilai pembangunan baharu disumbangkan oleh pemaju dan digunakan bagi kerja-kerja penyambungan ke sistem pembedungan awam sedia ada. Dana ini juga boleh membantu Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menaik taraf sistem pembedungan di kawasan-kawasan yang kritikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengenal pasti warga asing yang tinggal lebih masa secara tidak sah dan apakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil bagi tempoh Januari 2024 hingga September 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengawal kemasukan warga asing di pintu masuk utama negara, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan tindakan kawalan di pintu-pintu masuk dan juga tindakan pengoperasian di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan warga asing.

Tindakan kawalan di pintu masuk adalah seperti berikut:-

1. Mengadakan pemeriksaan rambang ke atas pengembara yang berada di Terminal Satelit KLIA untuk tempoh melebihi dari enam (6) jam dengan tujuan melengah-lengahkan kemasukan mereka. Tindakan Notis Penolakan Masuk (NPM) akan dikenakan bagi pengembara yang mencurigakan, tiada bukti keberadaan mereka bagi tujuan transit dan tidak memenuhi syarat kemasukan.

Bagi tempoh 1 Januari sehingga 15 November 2024, seramai 29,572 pelawat asing telah dikenakan NPM dan ditolak kemasukan serta dihantar pulang ke negara asal. Tindakan pemeriksaan ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pelawat yang tiba adalah pelawat tulen;

2. Pemeriksaan secara rambang kepada pengembara juga dibuat di kawasan pengambilan bagasi (selepas kaunter pemeriksaan imigresen balai ketibaan) bagi memastikan cap atau endosmen yang diberikan oleh pegawai kepada pengembara berkenaan dibuat dengan wajar. Tindakan ini adalah sebagai semak dan imbang kepada pemeriksaan imigresen yang telah dibuat dan juga memastikan hanya pengembara yang telah diberikan endosmen yang sah sahaja boleh masuk ke negara ini;
3. Perolehan Sistem Saringan Awal Penumpang (Advance Passenger Screening System - APS). Sistem ini membolehkan pengembara disaring lebih awal oleh bilik kawalan dan hanya pengembara tulen yang tidak mempunyai rekod jenayah/senarai syak sahaja akan dibenarkan terbang

## NO SOALAN : 14

masuk ke Malaysia. Sistem ini akan mengurangkan risiko di pintu masuk kerana pengembara telah disaring lebih awal; dan

4. Mewajibkan pengisian Malaysia Digital Arrival Card (MDAC) kepada semua pelawat bagi memudahkan pengesanan warga asing dan juga memastikan pelawat mempunyai tiket keluar semasa pemeriksaan imigresen untuk mengelakkan mereka tinggal lebih masa.

Selain itu, operasi penguatkuasaan secara berterusan dilaksanakan terutamanya di 224 lokasi hotspot untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta passport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Sepanjang tahun 2024 iaitu sehingga 21 November 2024, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 18,163 operasi penguatkuasaan dengan tangkapan seramai 41,906 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Kementerian akan meneruskan kerjasama strategik bersama agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dalam membanteras pendatang asing tanpa izin di dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI  
[IGAN]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital di Sarawak pada masa ini dan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan kompetensi digital guru, agihan peranti, infrastruktur internet di sekolah dan apakah perancangan mengatasi masalah jurang digital antara murid bandar dan pedalaman Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan secara berterusan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 telah menggariskan sebelas Anjakan termasuk Anjakan 7 iaitu Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pendidikan di Malaysia. Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang dilancarkan pada 28 November 2023 memperkukuh pelaksanaan PPPM 2013-2025 dalam usaha melahirkan generasi fasih digital dan berdaya saing. DPD merupakan komitmen Kerajaan untuk memperkasakan ekosistem pendidikan digital bagi menyokong penguasaan ilmu dan kemahiran murid yang berada di bandar dan luar bandar termasuk di pedalaman Sarawak.

Sebagai langkah segera kepada usaha ini, penerangan berkaitan DPD telah disebar luas melalui Program Jerayawara DPD ke seluruh negara termasuk di Zon Borneo pada 29 - 31 Julai 2024. Menerusi program ini, pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah diberikan penerangan terperinci tentang DPD serta menghasilkan pelan tindakan mengikut lokasi masing-masing. Hal yang demikian bertujuan untuk memastikan dasar ini difahami dan dilaksanakan secara menyeluruh di semua kawasan termasuk di luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Dalam aspek pembangunan profesionalisme guru, KPM berusaha memantapkan kompetensi digital guru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan membudayakan teknologi pendidikan secara imersif. Bagi negeri Sarawak, sehingga 30 September 2024, seramai 36,629 guru dari Sarawak telah melaksanakan saringan pengesanan tahap kompetensi digital dan pecahan saringan mengikut tahap adalah seperti yang berikut:

- i. Tahap Asas = 10,131 PPP
- ii. Tahap Pertengahan = 25,987 PPP
- iii. Tahap Lanjutan = 511 PPP

Di samping itu juga, KPM telah mewujudkan pasukan guru Jauhari Digital yang mahir dan berkepakaran dalam pengintegrasian teknologi pendidikan digital untuk memberi khidmat bantu dan bimbingan kepada guru-guru setempat. Pada tahun 2024, bilangan guru di Sarawak yang telah dilantik sebagai Guru Peneraju Generasi Digital (GPGD) telah meningkat daripada 19 orang kepada 41 orang. GPGD ini telah diberi latihan oleh rakan strategik seperti Microsoft, Google dan Apple untuk meningkatkan kompetensi digital mereka serta menyebarkan luas pengetahuan mereka kepada guru-guru di kawasan sekitar. Sehingga September 2024, seramai 9,841 guru telah diberi bimbingan oleh GPGD negeri Sarawak. KPM dengan kerjasama Pixlr juga telah melatih 92 orang guru di Sarawak bagi meningkatkan kompetensi penggunaan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*) dalam PdP dan telah diberikan pensijilan setelah selesai kursus berkenaan. Selain itu, KPM juga telah melanggan lesen Sistem Pengurusan Pembelajaran (SiPP) untuk membantu guru melaksanakan latihan secara sendiri secara dalam talian tanpa mengganggu waktu PdP. Data sehingga 30 September 2024 menunjukkan sebanyak 17,053 guru di Sarawak telah melaksanakan latihan melalui SiPP.

Di samping itu, sebanyak 27 buah Pusat Kegiatan Guru dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah dilengkapi dengan Studio Digital dan *Digital Maker Hub* bermula pada tahun 2022. Guru dan murid boleh menggunakan premis ini untuk menghasilkan kandungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan mendalami bidang pengaturcaraan, robotik dan realiti maya (*virtual reality - VR*). Sebanyak 251 aktiviti telah dijalankan dengan seramai 3,226 murid menyertai aktiviti dan 2,716 guru telah diberi latihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPM juga telah menyediakan capaian jalur lebar Internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 300Mbps untuk 10,237 sekolah di bawah KPM bagi menangani isu akses Internet. Sebanyak 4,957 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,681 sekolah disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 599 sekolah disediakan dengan talian satelit. Bagi negeri Sarawak, KPM telah menyediakan akses Internet kepada sebanyak 1,459 buah sekolah. Daripada jumlah ini, talian jalur lebar tanpa wayar 4G disediakan di 762 lokasi, talian gentian optik di 362 lokasi manakala talian satelit di 335 lokasi.

KPM turut menyokong Projek *Point of Presence* (PoP) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi (KK) dan menjadikan sekolah sebagai hab untuk penyediaan infrastruktur jalur lebar gentian optik. Projek ini dilaksanakan melalui dua fasa bermula pada tahun 2022 dan dijangka selesai pada tahun 2030.

KPM komited untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam memastikan kejayaan Dasar Pendidikan Digital dapat dinikmati oleh semua murid sama ada di bandar atau di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]**  
**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a) langkah yang diambil oleh Lembaga Pelabuhan Klang bagi menangani masalah kesesakan yang sering berlaku di Pelabuhan Klang Utara dengan peningkatan *Ro-Ro cargo* dan kenderaan berat yang keluar masuk; dan
- b) apakah langkah Kementerian dalam menangani masalah jalan raya di sekeliling kawasan pelabuhan kerap rosak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod, jumlah kenderaan berat yang keluar masuk ke Pelabuhan Klang dan jumlah yang keluar daripadanya adalah sebanyak 3.58 juta buah pada 2022 dan 3.82 juta buah pada 2023.

2. Dalam menangani kesesakan jalan di sekitar kawasan pelabuhan, antara usaha yang diambil oleh Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) adalah seperti berikut:

(a) Melaksanakan sistem tempahan bagi pengambilan dan penghantaran kontena di terminal pelabuhan dan depoh kontena kosong di Pelabuhan Klang. Sistem yang telah dilaksanakan sejak 2022 ini membolehkan syarikat-syarikat pengangkutan merancang perjalanan kenderaan dengan lebih baik dan cekap; dan

(b) Melaksanakan projek-projek penyenggaraan jalan di bawah Geran Padanan Lembaga Pelabuhan Klang. Pada 2024, jumlah peruntukan yang telah diluluskan ialah RM50 juta, iaitu RM25 juta masing-masing daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan LPK. Kerja-kerja penyelenggaraan sedang dilaksanakan dan akan disiapkan sepenuhnya pada Disember 2024 di lapan (8) lokasi berikut:

- i. Persiaran Raja Muda Musa;
- ii. Jalan Pintasan Selat Klang Utara;
- iii. Jalan Pelabuhan Utara;
- iv. Jalan Lingkaran Pulau Indah;
- v. Jalan Pelabuhan Utara - Barat;
- vi. Lebuhraya Pulau Indah;
- vii. Jalan Industri Pandamaran; dan
- viii. Jalan Sultan Abdul Samad.

3. Di samping itu, LPK juga kini dalam perancangan untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Menjalankan kajian bagi menggalakkan pergerakan kenderaan berat di luar waktu puncak yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan dan menyuraikan trafik di Pelabuhan Klang pada waktu puncak; dan
- (b) Menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang sesuai untuk membangunkan kawasan rehat dan rawat (R&R) serta kawasan meletak kenderaan rosak di jalan-jalan utama yang menuju ke Pelabuhan Klang.

4. Sukacita ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa KKR juga melaksanakan projek-projek menaiktaraf jalan-jalan di sekitar pelabuhan, antaranya:

- (a) Projek Menaiktaraf Jalan Pelabuhan Utara dari Klang Container Terminal ke Northport, Pelabuhan Klang; dan
- (b) Projek Membina dan Menaiktaraf Lingkaran Pulau Indah Fasa 3 yang kini dalam peringkat pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi masalah kerosakan jalan raya, salah satu penyebabnya ialah kenderaan berat lebih muatan. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan kajian dari semasa ke semasa berhubung mekanisme penyelesaian terbaik bagi menangani isu kenderaan berat yang membawa had muatan berlebihan.

6. Antaranya adalah dengan membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM yang kini dalam peringkat akhir pelaksanaan, dan ianya dijangka akan selesai pada suku pertama 2025. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang. Justeru, peningkatan keberkesanan penguatkuasaan ke atas peraturan had muatan kenderaan motor melalui sistem HS-WIM, bukan sahaja akan mengurangkan kerosakan jalan raya, malah ia juga akan mengurangkan risiko kemalangan jalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[BENTONG]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sehingga 2024, berapa jumlah pendaftaran kemasukan ke prasekolah dan apakah perancangan Kementerian untuk menambahkan akses pra-sekolah khususnya di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendidikan prasekolah adalah sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan kepada Peruntukan Seksyen 15 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terbuka kepada semua kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur dari empat hingga enam tahun. Sehingga 30 September 2024, seramai 216,415 orang kanak-kanak telah mendaftar di prasekolah bawah KPM di seluruh negara berbanding pada tahun 2023 sebanyak 214,627 orang.

KPM menyediakan program prasekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di seluruh negara. Sehingga kini, terdapat sebanyak 10,043 buah kelas prasekolah KPM yang beroperasi di 6,319 buah institusi pendidikan di seluruh negara. KPM komited dalam memastikan lebih ramai kanak-kanak mendapat akses pendidikan prasekolah. Oleh itu, peluasan kelas prasekolah dilaksanakan oleh KPM setiap tahun terutamanya di lokasi yang mempunyai permintaan yang tinggi.

KPM telah melaksanakan peluasan kelas prasekolah sejak tahun 2002 dalam usaha untuk meningkatkan aksesibiliti kanak-kanak ke prasekolah. Peluasan kelas prasekolah merupakan salah satu inisiatif dalam Kerangka Strategik Malaysia MADANI bagi KPM untuk tahun 2024 dan telah melebihi sasaran 129 peluasan kelas apabila sebanyak 134 kelas peluasan telah beroperasi sejak Mac 2024. Peluasan kelas prasekolah juga merupakan salah satu daripada enam hala tuju reformasi pendidikan selari dengan hala tuju negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peluasan kelas prasekolah KPM dilaksana berdasarkan kebolehlaksanaan pengoperasian dalam tempoh jangka masa panjang. Namun begitu, ia bukan hanya bergantung kepada ketersediaan kemudahan infrastruktur sedia ada di institusi pendidikan tersebut seperti kelas yang kondusif, peralatan kerusi meja dan lain-lain fasiliti yang berkaitan tetapi juga perlu ada permintaan yang tinggi daripada masyarakat setempat termasuk di kawasan luar bandar. Sehingga

30 September 2024, terdapat sebanyak 4,187 kelas prasekolah di kawasan luar bandar termasuk di pedalaman satu, dua dan tiga manakala kelas prasekolah di kawasan bandar adalah sebanyak 5,856.

KPM akan meneruskan usaha untuk meningkatkan akses pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak di Malaysia dengan membuat peluasan kelas bukan sahaja di sekolah rendah, tetapi juga di lain-lain institusi pendidikan KPM seperti sekolah menengah, kolej vokasional dan institusi pendidikan guru. KPM meneruskan usaha untuk membina lebih banyak kelas prasekolah baharu di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan telah memperuntukkan kewangan bagi pembinaan 34 prasekolah baharu KPM, selaras dengan agenda Reformasi Pendidikan yang memberi tumpuan kepada pendidikan awal kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA  
[PASIR SALAK]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesediaan ekosistem tempatan terhadap penggunaan teknologi pertanian pintar (*smart farming*) dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan dan meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) sentiasa berusaha menyediakan ekosistem yang bersesuaian untuk penggunaan teknologi pertanian pintar (*smart farming*). Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menyediakan ekosistem tempatan untuk meningkatkan penggunaan teknologi pertanian pintar dalam sektor perladangan sawit.
2. Pertanian pintar merangkumi penggunaan teknologi terkini bagi mengendalikan operasi ladang yang dipacu data bagi meningkatkan kecekapan di ladang. Antara teknologi yang digunakan untuk pertanian pintar termasuk kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), automasi dan *Internet of Things* (IoT).
3. Teknologi pertanian pintar dalam industri sawit boleh diaplikasikan baik di ladang mahupun di kilang sawit. Bagi sektor huluan, AI dan IoT dapat digunakan bagi menambah baik beberapa kerja di ladang seperti menabur baja dan racun perosak, merancang jadual penanaman semula serta memantau pokok-pokok yang telah dituai oleh pekerja ladang.
4. Baru-baru ini juga saya telah mengadakan lawatan ke kilang sawit pintar (*smart palm oil mill*) yang pertama di dunia yang terletak di Kuala Kangsar. Penggunaan AI dan perkakas seperti sensor mampu meningkatkan kecekapan operasi kilang, menurunkan kehilangan minyak (*oil loss*) dan mengurangkan kos.
5. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan, KPK melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalinkan **kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)** dalam program AgriNXT untuk menyediakan **jalan penyelesaian secara digital bagi industri sawit**.
6. Program tersebut menyaksikan lima syarikat pembangun teknologi pemula (*startup companies*) mempamerkan **potensi penggunaan teknologi IR4.0 dan teknologi digital dalam industri sawit** seperti

## NO SOALAN : 18

teknologi pengesanan buah masak, pesawat tanpa pemandu (*Unmanned Aerial Vehicle* - UAV), kenderaan darat tanpa pemandu (*Unmanned Guided Vehicle* - UGV) dan integrasi sistem digital dalam aktiviti perladangan sawit.

7. Program tersebut akan dijadikan asas bagi usaha inovasi terhadap sistem pendigitalan dalam sektor perladangan sawit. Dengan usaha ini, diharapkan penerimaan teknologi pertanian pintar dapat dipertingkatkan, sekaligus memperbaiki keberkesanan pengurusan ladang sawit dan seterusnya dapat meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah terdapat strategi dan usaha menyeluruh oleh Kementerian bagi mengurangkan insiden banjir di kawasan-kawasan hilir dan lembangan sungai utama di Sarawak termasuk di kawasan Sungai Batang Lupar, Skrang dan Lemanak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa berusaha untuk mengurangkan impak banjir di seluruh negara termasuk di Negeri Sarawak. Untuk tujuan tersebut, Kementerian mengambil langkah pendekatan secara struktur (*curative*) dan bukan struktur (*preventive*).

2. Sebagai penyelesaian jangka panjang, 15 projek dengan jumlah kos sebanyak RM2.14 billion telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Pelaksanaan projek ini merangkumi skop seperti menaiktaraf infrastruktur mekanikal dan elektrik serta saluran bandar, rancangan tebatan banjir dan pengurusan sungai sebagai usaha mengurangkan impak akibat kejadian banjir. Antara projek utama adalah seperti Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandaraya Kuching Fasa 3.

3. Sebagai langkah pendekatan bukan struktur pula, Kementerian sedang melaksanakan dua (2) Kajian Pelan Induk di negeri Sarawak iaitu Kajian Pelan Induk di Batang Saribas yang dijangka siap pada Disember 2024 dan Kajian Pelan Induk Batang Lupar yang akan siap pada Disember 2025. Kajian ini memberi penekanan kepada kawasan Sungai Skrang dan Sungai Lemanak yang terletak di Parlimen Lubok Antu.

4. Selain itu, sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Khusus untuk

**NO SOALAN : 19**

Parlimen Lubok Antu, peruntukan berjumlah RM153 ribu telah disalurkan pada tahun 2022 hingga 2024 untuk pelaksanaan kerja-kerja melibatkan skop utama seperti pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM**  
**[GUA MUSANG]**  
**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem perolehan Kerajaan bagi menangani isu kebocoran maklumat dan ketirisan dalam proses perolehan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengkaji dasar, proses dan sistem perolehan Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memastikan proses perolehan Kerajaan kekal relevan serta mampu mengekang kebocoran maklumat dan proses perolehan Kerajaan.

Semua proses perolehan Kerajaan dilaksanakan berteraskan kepada lima (5) prinsip utama iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah terbaik, mewujudkan saingan terbuka serta adil dan saksama. Perolehan yang diguna pakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka dan amalan ini masih diteruskan pada masa ini.

Disamping itu, Kerajaan juga sentiasa terus mengambil langkah-langkah khusus dalam menangani kebocoran maklumat dalam proses perolehan Kerajaan antaranya seperti berikut:

- a. Pelaksanaan Integriti Dalam Perolehan Kerajaan iaitu melalui Pekeliling Perbendaharaan 1.6 di mana setiap pegawai awam, ahli jawatankuasa berkaitan perolehan Kerajaan, syarikat dan pembida yang terlibat dengan proses perolehan Kerajaan secara langsung dan tidak langsung perlu menandatangani surat akuan *integrity pact*. *Integrity pact* merupakan proses pengisytiharan sendiri untuk tidak menawar atau memberi rasuah sebagai dorongan mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepat sesuatu urusan perolehan Kerajaan, pembocoran maklumat, atau terlibat dengan pakatan tipuan bida.
- b. Pekeliling Perbendaharaan 2.1 mengenai keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu perolehan telah menetapkan peraturan merahsiakan maklumat perolehan dan diklasifikasikan sebagai sulit antaranya seperti berikut:

- i. Semua maklumat berkenaan sesuatu perolehan hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan;
  - ii. Pegawai yang terlibat dalam urusan perolehan hendaklah mematuhi perkara ini selaras dengan *integrity pact* yang telah ditandatangani;
  - iii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu perolehan kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya;
  - iv. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai yang terlibat dalam proses perolehan menandatangani Perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
  - v. Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu perolehan adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.
- c. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam mengawal ketirisan dalam proses perolehan Kerajaan antaranya seperti berikut:
- i. Memasukkan Harga Indikatif Jabatan (HIJ) dalam dokumen tender supaya dapat mengelak berlakunya ketirisan maklumat dalaman yang menggalakkan aktiviti rasuah;
  - ii. Memasukkan maklumat kriteria penilaian dalam dokumen tender supaya semua petender mendapat maklumat jelas dan bagi mengelakkan berlakunya pakatan bida serta rasuah;

## NO SOALAN : 20

- iii. Ahli Jawatankuasa Penilai dan Pihak Berkuasa Melulus adalah ahli yang berasingan supaya dapat mengelak pemusatan kuasa dan gejala rasuah; dan
- iv. Mewujudkan mekanisme semak dan imbang melalui Pasukan Pemantauan dan Akreditasi, Kementerian Kewangan bertujuan mengadakan semakan audit perolehan secara berkala di setiap kementerian bagi menangani isu ketirisan dalam perolehan.

Pekeliling Perbendaharaan 2.1 berkaitan proses aduan atau bantahan bagi perolehan Kerajaan yang tertakluk di bawah *Free Trade Agreement* (FTA) telah menyediakan satu mekanisme semak dan imbang yang dikenali sebagai Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure – DRP*) di mana pembekal boleh mengemukakan aduan atau bantahan berkaitan perolehan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE  
[BATANG SADONG]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rekod terkini mengenai pendidikan daerah yang mempunyai masalah akademik yang lemah atau rendah di seluruh Malaysia dan apakah langkah yang sedang dibuat bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan prestasi akademik pelajar tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan prestasi akademik murid khususnya bagi murid yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh KPM bagi memastikan murid tidak tercicir dalam pembelajaran iaitu:

- i. mulai Sesi Akademik 2024/2025, KPM telah melaksanakan Pengesanan Awal Literasi dan Numerasi serta Program Intervensi Tahun 1. Pengesanan awal ini dilaksanakan setelah murid mengikuti persekolahan selama tiga bulan. Murid yang telah dikenal pasti belum menguasai membaca, menulis dan mengira (3M) akan diberi bimbingan secara berfokus melalui Program Intervensi Tahun 1.
- ii. pengesanan awal literasi dan numerasi serta Program Intervensi Tahun 1 merupakan inisiatif KPM bagi memberi sokongan kepada murid yang belum menguasai kemahiran asas 3M dalam tempoh tiga bulan. Setelah mereka menguasai kemahiran asas mereka akan kembali ke kelas masing-masing, manakala bagi murid yang masih belum menguasai 3M akan kekal dalam program tersebut bagi tempoh tiga bulan selanjutnya. Murid yang masih kekal di Program Intervensi Tahun 1 hingga akhir sesi akademik akan mengikuti Program Pemulihan Khas di tahun dua pada tahun berikutnya.
- iii. KPM juga melaksanakan Program Pemulihan Khas dalam usaha membantu murid menguasai kemahiran 3M. Program ini mensasarkan murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang belum menguasai kemahiran asas Bahasa Melayu dan Matematik. Murid yang mengikuti program ini dan dibimbing secara khusus oleh guru pemulihan bagi tempoh enam bulan. Murid yang telah menguasai kemahiran asas ini akan kembali mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas

masing-masing, manakala bagi murid yang masih belum menguasai 3M akan kekal dalam program tersebut bagi tempoh enam bulan selanjutnya.

- iv. Inisiatif #24: Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah atau PLaN bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan program sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang komprehensif dan menyeluruh berasaskan sekolah untuk murid Tahun 2 dan Tahun 3. Program ini telah mula dilaksanakan pada bulan Mac tahun 2020 bagi memastikan semua murid Tahun 2 dan Tahun 3 boleh menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan (TP) minimum iaitu TP3 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Murid yang terlibat dalam PLaN akan menggunakan Modul Latihan Intervensi Berfokus & Terbeza (MOLIB) Literasi dan Numerasi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik, manakala *Scheme of Work* (SOW) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.
- v. Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MOLIB) Literasi dan Numerasi telah dibina untuk membantu guru Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah menguasai dan melaksanakan pendekatan pedagogi berfokus dan terbeza. Modul ini dibina berasaskan kemahiran yang terkandung dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi aktiviti dan bahan berbeza berdasarkan pelbagai tahap penguasaan murid. Modul ini merupakan rujukan dan bahan sokongan guru bagi membolehkan penyampaian ilmu dan kemahiran yang berkesan untuk Bahasa Melayu dan Matematik kepada murid Tahun 2 dan Tahun 3 yang berada pada tahap penguasaan (TP) 3 dalam pentaksiran bilik darjah (PBD). Murid ini akan diberi pengukuhan melalui aktiviti untuk menguasai kemahiran asas dan seterusnya menyediakan mereka untuk menguasai tahap penguasaan (TP) 4 dalam PBD.
- vi. Manual Kit Didik Hibur Literasi dan Numerasi tahap dua turut disediakan sebagai program sokongan pembelajaran untuk membantu murid menguasai dan mengukuhkan kemahiran 3M dengan lebih berkesan. Pelaksanaan didik hibur literasi dan numerasi bagi murid

yang berada pada tahap dua ini akan dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna bagi murid. Kit Didik Hibur ini juga dapat dijadikan panduan dan rujukan semua pihak termasuk ibu bapa dan komuniti setempat bagi membantu meningkatkan penguasaan kemahiran asas 3M murid sebelum murid ke peringkat sekolah menengah.

Reformasi pendidikan negara terus diperkukuhkan dalam segala aspek menerusi penubuhan enam jawatankuasa khas yang akan memberi tumpuan tertentu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran guru serta murid. Enam jawatankuasa yang ditubuhkan ini memfokus kepada reformasi pendidikan berkaitan subjek Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), Digital, Prasekolah, bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Intervensi Kurikulum dan Memartabatkan Bahasa Melayu dan Mengukuhkan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia melalui Unit Pantau Madani dan Yayasan Hasanah dalam pelaksanaan Program Anak Kita: Semarak Potensi Malaysia. Program ini merupakan salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi intervensi dan membantu murid pemulihan khas Tahun 2 hingga Tahun 6 secara berfokus di tujuh buah negeri, iaitu Kedah, Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Sabah, dan Sarawak. Kerjasama ini juga melibatkan Program Pecutan SPM 2024. Pelaksanaan program ini dijalankan secara berfokus dan melibatkan 16 buah negeri. Mata pelajaran yang terlibat adalah Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Murid yang terlibat ialah murid yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2024.

KPM yakin usaha dan inisiatif yang dilaksanakan ini akan membantu sekolah dan murid dalam meningkatkan prestasi akademik khususnya bagi murid yang memperoleh pencapaian yang rendah dan seterusnya membolehkan murid mencapai tahap penguasaan yang setara dengan pembelajaran mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini keberkesanan operasi Jabatan Imigresen Malaysia dalam membanteras warga asing yang masuk secara haram dan masuk secara sah tetapi tidak keluar apabila tamat tempoh permit mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini. Keberadaan warga asing yang berada dalam negara tanpa dokumen perjalanan atau pas yang sah adalah menyalahi peraturan serta dikategorikan sebagai PATI yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Usaha membentaras masalah PATI merupakan usaha yang berterusan oleh kerajaan. JIM telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif bagi membendung kebanjiran PATI di negara ini. Antaranya adalah:

- i. melaksanakan **operasi penguatkuasaan** secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta passport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963;
- ii. memperketatkan **kawalan dan pemeriksaan** di pintu masuk negara; dan
- iii. pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*).

JIM juga turut memberi tumpuan kepada **224 lokasi “hotspot”** seluruh Malaysia yang dikenalpasti menjadi tumpuan warga asing dan seterusnya menjalankan operasi secara bersepadu dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi **“hotspot”** tersebut.

## NO SOALAN : 22

KDN melalui JIM sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan Imigresen serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini. Setakat 30 September 2024, JIM telah melaksanakan sebanyak 15,467 operasi penguatkuasaan dengan tangkapan seramai 35,422 orang PATI daripada jumlah tersebut seramai 24,987 orang PATI tidak memiliki pas/dokumen yang sah untuk berada di negara ini iaitu dibawah kesalahan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] manakala 5,439 orang PATI lagi telah tinggal lebih masa di negara ini iaitu dibawah kesalahan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].

Untuk makluman yang berhormat juga, KDN melalui JIM telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan mereka yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa untuk pulang ke negara asal mereka. Pada tahun 2023, JIM telah melaksanakan satu inisiatif khusus bagi warga asing yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa iaitu penawaran kompaun dan pengecualian pendakwaan bagi kes serah diri kesalahan tinggal lebih masa tidak melebihi 90 hari. Pelaksanaan inisiatif ini bermula sejak 16 Jun 2023 hingga 1 Mei 2024 dan ianya melibatkan semua pejabat penguatkuasaan imigresen diseluruh negara serta 22 buah pejabat imigresen di pintu masuk negara. Melalui program ini, seramai 8,911 orang PATI yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa telah menggunakan inisiatif ini dengan jumlah kutipan kompaun sebanyak RM4,729,570. Dalam masa yang sama, KDN melalui JIM sedang melaksanakan satu inisiatif baharu pada tahun ini khusus untuk PATI di negara ini mulai 1 Mac 2024 iaitu Program Repatriasi Migran. Setakat 30 September 2024, seramai 139,678 orang PATI telah berdaftar dalam program ini, daripada jumlah tersebut seramai 124,040 orang PATI telah pulang ke negara asal. Selain daripada itu, JIM juga telah melaksanakan satu inisiatif bagi PATI untuk pulang ke negara asal mereka di bawah Program Rekalibrasi Pulang (RP) mulai 21 Disember 2020 hingga 31 Disember 2022. Sepanjang tempoh program tersebut, seramai 295,518 warga asing telah berdaftar dalam program ini, daripada jumlah tersebut seramai 257,819 warga asing telah pulang ke negara asal mereka.

## NO SOALAN : 22

Tindakan penguatkuasaan JIM bukan sahaja tertumpu kepada PATI dan pekerja asing, tetapi turut memberi fokus kepada majikan bagi memberikan mesej bahawa **majikan tidak boleh menggajikan pekerja asing tanpa dokumen perjalanan dan pas yang sah.**

Namun begitu keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab suatu pihak sahaja sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak, termasuk rakyat negara ini. Semua rakyat Malaysia perlu turut serta dalam membanteras kehadiran PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka atau menyewakan premis atau harta benda kepada PATI atau menggajikan PATI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDY [KALABAKAN]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini status pembinaan SK Perdana yang sepatutnya pembinaan telah bermula pada tahun lalu dan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk memastikan sekolah ini dibina bagi kegunaan para pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang selesa dan kondusif.

KPM telah diluluskan projek Pembinaan Bangunan Gantian Penuh Di Sekolah Kebangsaan Perdana, Tawau, Sabah dengan kos projek berjumlah RM10.2juta. Skop projek melibatkan pembinaan 6BD, bangunan pentadbiran dan lain-lain kemudahan mengikut piawai.

Pelaksanaan projek telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah untuk dilaksanakan secara Konvensional Perunding. Sehingga 03 Oktober 2024, projek sedang dalam peringkat reka bentuk dan pihak JKR Sabah memberikan komitmen untuk mengiklan tender projek ini pada Januari 2025. KPM akan memantau perancangan pelaksanaan oleh JKR Sabah untuk memastikan projek dapat disegerakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS  
[MERSING]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah struktural dan komprehensif Kementerian dalam meningkatkan akses bekalan elektrik hijau khususnya dalam kalangan pengguna komersial dan pemain-pemain industri Tenaga Boleh Baharu (TBB).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu langkah perubahan struktural penting yang telah diambil Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bagi meningkatkan akses bekalan elektrik hijau untuk pengguna komersial serta peluang pembekalan TBB untuk pemain industri Tenaga Boleh Baharu (TBB) adalah melalui pembukaan akses sistem grid pembekalan elektrik kepada mana-mana pemaju TBB untuk membekalkan bekalan elektrik hijau secara terus kepada pengguna korporat.
2. Pelaksanaan mekanisme inisiatif grid terbuka atau *open grid access mechanism* di bawah Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) merupakan anjakan penting yang telah dilakukan PETRA bagi membolehkan pengguna mendapatkan bekalan elektrik hijau yang diperlukan daripada mana-mana penjana TBB pilihan mereka, yang sebelum ini hanya boleh dilakukan oleh syarikat utiliti sahaja.
3. Pada masa yang sama, bagi meningkatkan akses bekalan elektrik hijau kepada pengguna komersial dan syarikat korporat, PETRA turut menyediakan pelbagai program komprehensif bekalan elektrik hijau kepada pengguna seperti berikut:
  - a. Program *Net Energy Metering* (NEM) yang membolehkan pengguna memasang sistem solar PV secara in-situ di bumbung premis bangunan dan menjana bekalan elektrik hijau yang diperlukan untuk kegunaan sendiri;
  - b. Program *Green Electricity Tariff* (GET) yang membolehkan pengguna melanggan dan bekalan elektrik hijau secara terus daripada syarikat utiliti; dan
  - c. Program *Malaysia Green Attributes Trading System* (mGATS) yang membolehkan pengguna mendapatkan sijil tenaga boleh baharu atau *renewable energy certificate* (REC) untuk melakukan offset kepada bekalan elektrik yang digunakan.

4. Pelaksanaan perubahan struktural dan inisiatif komprehensif ini diharapkan mampu meningkatkan lagi akses pengguna kepada bekalan elektrik hijau dan membuka peluang baharu kepada pemain industri TBB di negara ini. Usaha ini turut menyumbang kepada aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti TBB daripada 26% kepada 40% menjelang 2035 dan 70% menjelang 2050.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [JELUTONG]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis tidak mengambil sebarang tindakan lagi terhadap individu yang telah memukul dan menyerang seorang pemandu Grab bernama Ong Ing Keong sehingga hari ini walaupun terdapat bukti yang mencukupi untuk menuduh suspek di mahkamah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Bagi kes siasatan serangan terhadap pemandu e-hailing Orang Kelainan Upaya (OKU) Ong Ing Keong, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis Brickfields Repot 7047/2024 di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang OKU yang juga mangsa, mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. Petuduhan ke atas subjek telah dilaksanakan pada 4 November 2024, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas subjek di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Selain itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah membuka kertas siasatan tatatertib (KST) ke atas orang yang disyaki (OYDS) dan Kertas Enkuiri Tatatertib (KET) juga dibuka ke atas Pegawai Penyiasat Kanan dan Pegawai Penyiasat kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT]**  
**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menaikkan had pendapatan seisi rumah kepada lebih daripada RM5000 untuk melayakkan golongan M40 yang telah dibebani pelbagai komitmen kewangan juga menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2025, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan ke **tahap tertinggi bagi Sumbangan Tunai Rahmah (atau STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (atau SARA) iaitu kepada 13 bilion ringgit berbanding 10 bilion ringgit. Peningkatan ini terus memberi manfaat kepada 9 juta penerima atau bersamaan 60 peratus penduduk dewasa negara.** Program ini merupakan bantuan tunai Kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

Kadar pendapatan untuk melayakkan isi rumah atau warga emas tiada pasangan menerima STR adalah 5,000 ringgit dan ke bawah manakala untuk kategori bujang pula adalah 2,500 ringgit dan ke bawah. Antara penambahbaikan yang dibuat Kerajaan pada tahun 2025:

- **Pertama**, 4.1 juta penerima isi rumah STR akan menerima SARA sebanyak 100 ringgit sebulan;
- **Kedua**, 1.3 juta penerima warga emas tiada pasangan STR akan menerima SARA sebanyak 50 ringgit sebulan;
- **Ketiga**, bantuan SARA akan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bermula April 2025;
- **Keempat**, kadar STR kategori bujang ditingkatkan kepada 600 ringgit; dan
- **Kelima**, kadar maksimum yang diterima isi rumah meningkat kepada 4,600 ringgit.

Selain itu, bagi penerima STR berstatus miskin dan miskin tegar di bawah eKasih akan terus menikmati **tambahan SARA** sebanyak 1,200 ringgit atau 600 ringgit setahun (100 ringgit sebulan atau 50 ringgit sebulan dalam tempoh 12 bulan) melibatkan lebih 700,000 penerima.

**Kerajaan sentiasa cakna dengan penambahbaikan berterusan program bantuan tunai Kerajaan** demi memastikan golongan terkesan terus terbela dan dijaga. Kerajaan kekal komited dan sentiasa memantau situasi semasa dalam memastikan program bantuan tunai Kerajaan terus disalurkan kepada golongan memerlukan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [JULAU]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci apakah strategi dan pelan tindakan oleh Kementerian akan menangani masalah sekolah-sekolah daif di kawasan Julau dan bilakah jangka masa penyelesaian masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa proaktif dan memberi keutamaan dalam usaha menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara termasuk di kawasan Julau, Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 17 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah yang diluluskan dengan kos projek berjumlah RM167.94 juta di kawasan Parlimen Julau. Sehingga 7 Oktober 2024, sebanyak 11 projek telah siap, empat projek pada peringkat bina dan dua projek pada peringkat prabina.

Dalam langkah menangani isu bangunan daif di sekolah seluruh negara, KPM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan antaranya dengan melancarkan program ke arah sifar bangunan daif di sekolah. Melalui inisiatif ini, KPM telah menambahbaik serta memperkemaskan pengurusan dan sistem pangkalan data berkaitan kondisi bangunan sekolah agar dapat menyediakan maklumat yang relevan berhubung keperluan pelaksanaan kerja pembinaan.

Selain daripada itu, dalam menangani isu bangunan daif ini, KPM juga mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan kerja Ubah Suai Naik Taraf (USNT) bagi bangunan berskala 6. Untuk makluman, bangunan yang berada pada skala 6 merupakan bangunan yang mengalami kerosakan dengan keadaan bangunan masih boleh dinaik taraf. Tindakan ini adalah langkah pencegahan yang diambil oleh KPM bagi mengelakkan bangunan dikategorikan sebagai bangunan daif skala 7. Dalam masa yang sama, program penyenggaraan dan pembaikan sekolah akan diteruskan secara berkala agar dapat memanjangkan jangka hayat serta kefungsiannya ke tahap yang optimum.

KPM juga telah memperkasakan peranan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk meluluskan pelaksanaan kerja menaik taraf dan bangunan tambahan di bawah pembiayaan negeri dan agensi luar.

Selain itu, bagi tujuan tatakelola pelaksanaan projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah, KPM telah memperkasa fungsi Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah (JPPBDS) dengan membuat penambahbaikan terhadap Terma Rujukan serta peranan dan fungsi jawatankuasa ini. Ini adalah bertujuan untuk memastikan isu pelaksanaan projek yang memerlukan penyelesaian dapat diuruskan dengan segera.

Bagi memastikan semua kerja-kerja pelaksanaan projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah dilaksanakan mengikut perancangan, pemantauan rapi telah dilakukan melibatkan pelbagai pihak, iaitu pemantauan prestasi pelaksanaan projek dipantau rapi melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) dan Mesyuarat Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang membincangkan projek pembinaan semula bangunan daif secara khusus supaya dapat mensasarkan tindakan segera bagi projek yang memerlukan intervensi. Dalam keadaan tertentu, pelaporan dan pemantauan juga diselaraskan pada peringkat negeri melalui Majlis Tindakan Pembangunan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM  
[KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan KPM berhubung isu ramai ibu bapa mahukan UPSR diperkenalkan semula bagi mengembalikan hala tuju pendidikan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS disifatkan sebagai pentaksiran yang berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia dan mereka juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS. Perbandingan pentaksiran pendidikan yang dilaksanakan di negara serantau dan antarabangsa menunjukkan bahawa pentaksiran pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan agenda pendidikan global.

Pelaksanaan PBS juga adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Sebagai usaha memperkasa PBS, KPM juga telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang merupakan pentaksiran sumatif dalam komponen PBD. Ujian ini bersifat *low stake* dan mampu mengurangkan tekanan peperiksaan kepada murid. Selain itu, KPM turut melakukan

penambahbaikan terhadap pelaksanaan ujian akhir sesi akademik mulai sesi akademik 2024/2025, antaranya ialah menukar bentuk pelaporan daripada Tahap Penguasaan (TP) kepada bentuk peratus dan gred, serta memberikan sekolah dan guru autonomi dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian berkaitan PBS sebagai pentaksiran berorientasikan pembelajaran dan perkembangan murid ini juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan dan tindakan undang-undang tentang kes:

- (a) Ong Ing Keong, seorang OKU pekak dan bisu yang mendakwa diserang oleh anggota polis pada Mei lalu; dan
- (b) Alias Awang yang mendakwa diserang oleh seorang kerabat Diraja bersama sekumpulan orang dengan menggunakan senjata tajam dan pistol pada Jun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

- a) Bagi kes siasatan serangan terhadap pemandu e-hailing Orang Kelainan Upaya (OKU) Ong Ing Keong, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis Brickfields Repot 7047/2024 di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang OKU yang juga mangsa, mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. Pertuduhan ke atas subjek telah dilaksanakan pada 4 November 2024, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas subjek di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Selain itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah membuka kertas siasatan tatatertib (KST) ke atas orang yang disyaki (OYDS) dan Kertas Enkuiri Tatatertib (KET) juga dibuka ke atas Pegawai Penyiasat Kanan dan Pegawai Penyiasat kes tersebut.

- b) Bagi siasatan melibatkan mendatangkan kecederaan mendakwa diserang oleh seorang kerabat Diraja bersama sekumpulan orang dengan menggunakan senjata tajam dan pistol penama Alias Awang, PDRM telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis Kuantan repot 14100/2024 di bawah 324 Kanun Keseksaan (Mendapatkan kecederaan menggunakan senjata)/148 Kanun Keseksaan (Memiliki senjata dalam merusuh). PDRM telah merujuk Kertas Siasatan ke Pejabat Pendakwaan Negeri untuk pandangan dan nasihat pada 27 September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan sekolah sukan negara di Bukit Merbau, Pasir Puteh yang dijangka menelan belanja RM75 juta serta adakah pihak Kementerian akan mempercepat kelulusan projek tersebut bagi membangun bakat sukan dan meningkatkan kemahiran belia negeri Kelantan umumnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan keperluan dan kemudahan sukan dapat disediakan bagi memastikan kelangsungan pembangunan bakat murid dalam pelbagai jenis sukan. Bagi keperluan menempatkan murid berbakat dalam sukan di negeri Kelantan khususnya, pihak KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan telah pun menubuhkan sebuah sekolah sukan negeri (SSN), iaitu SMK Putera, Kota Bharu, yang berfungsi sebagai pusat kecemerlangan sukan peringkat negeri. SSN Kelantan mempunyai seramai 417 orang murid dan 11 orang jurulatih yang berkelayakan dalam sukan badminton, olahraga, bola sepak, bola jaring, sepak takraw, hoki dan gimnastik artistik. Prasarana sukan yang disediakan di SSN Kelantan adalah stadium mini berserta trek 400 meter, padang bola sepak, gelanggang serbaguna terbuka berbumbung, gelanggang terbuka dan dewan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga bertanggungjawab dalam program pembangunan sukan di peringkat daerah melalui pusat latihan daerah (PLD) di seluruh negara. Bagi negeri Kelantan, sebanyak 35 buah sekolah telah dipilih sebagai PLD. Antara sukan yang ditawarkan adalah bola sepak, hoki, badminton, sepak takraw, olahraga, memanah dan gimnastik artistik.

Di samping itu, KPM juga telah menubuhkan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) bagi menempatkan murid yang cemerlang dan berpotensi dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, atlet murid yang berpotensi dari negeri Kelantan boleh ditempatkan di SSM yang terletak di SSM Pahang dan SSM Terengganu.

Pada masa ini, KPM sedang memberi fokus untuk memperkasakan SSN di seluruh negara. KPM juga berpandangan bahawa pusat kecemerlangan sukan sedia ada bawah KPM masih berupaya untuk menampung keperluan semasa bagi menempatkan atlet murid yang cemerlang dalam bidang sukan.

**NO SOALAN : 30**

Oleh yang demikian, sehingga kini, KPM belum ada sebarang perancangan untuk menubuhkan SSM di negeri Kelantan atau di mana-mana negeri seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan bilangan penduduk Malaysia yang bertambah setiap tahun, apakah anggota PDRM mencukupi untuk memastikan keselamatan rakyat terjamin dan apakah usaha PDRM ke arah itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dalam negara memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Seiring dengan pertambahan jumlah penduduk, penempatan dan pembangunan negara, sememangnya terdapat keperluan penambahan perjawatan dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi melaksanakan penyampaian perkhidmatan kepolisan yang efektif. Tugas dan tanggungjawab PDRM sebagai penguatkuasa utama undang-undang negara juga kian bertambah selari dengan pertumbuhan ekonomi negara dan perkembangan teknologi terkini.

Nisbah penduduk berbanding kekuatan anggota polis yang ideal yang disarankan oleh Interpol adalah seorang polis nisbah 250 orang penduduk (1:250) namun ukuran tersebut bukanlah satu panduan mutlak. PDRM perlu mengimbangkan strateginya dalam pengoperasian dan urus tadbir sumber manusia bagi mencapai matlamat penyampaian perkhidmatan yang profesional dan berkualiti dalam menjamin kesejahteraan, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam.

PDRM masih kekal dengan dasar semasa Kerajaan mengikut PB 1.3: Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam yang berkuatkuasa 14 Julai 2022 yang tidak membenarkan permohonan perjawatan baharu. Namun, PDRM dalam usaha penambahan perjawatan yang mana ianya dilihat sebagai keprihatinan pihak kerajaan terhadap aspek kebajikan dalam penggunaan tenaga kerja (*capacity utilisation rate*) warga PDRM selama ini supaya dapat diperbaiki dengan memberi ruang untuk warga PDRM menjalani kehidupan dengan waktu rehat yang mencukupi melalui penggiliran tugas dan tempoh masa bertugas yang lebih adil mengikut kadar upah untuk kerja, bagi memastikan peningkatan produktiviti dan

kualiti penugasan.

Balai Polis merupakan barisan hadapan (*frontliners*) agensi kerajaan yang memberi perkhidmatan kepolisan kepada komuniti setempat bagi memastikan keamanan, keselamatan dan ketenteraman awam di kawasan tanggungjawab. Apa-apa jua aduan boleh dibuat di Balai Polis tanpa mengira sama ada ianya berkaitan dengan aspek keselamatan atau hanya repot am yang dijadikan sebagai dokumen rasmi bagi memulakan urusan di mana-mana agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau lain-lain agensi.

Kaedah pengukuran bagi pengukuhan Balai Polis mengambil kira beberapa perkara seperti berikut:

- i. Nisbah perjawatan polis dengan jumlah penduduk;
- ii. Perkembangan pembangunan semasa, kepesatan ekonomi, politik dan sosial penduduk;
- iii. Jumlah pecahan sektor kawasan pentadbiran balai polis;
- iv. Kategori kawasan pentadbiran sama ada pinggir bandar, luar bandar atau pedalaman;
- v. Stastitik jumlah repot dalam tempoh 3 tahun yang merangkumi Repot Am, Kes Jenayah dan Kes Narkotik; dan
- vi. Seiring dengan pertambahan jumlah penduduk dan pembangunan sesebuah lokasi, kesan tidak langsung adalah risiko kadar jenayah yang turut meningkat. Pada masa yang sama, masyarakat tetap menuntut komitmen warga PDRM terhadap perkhidmatan kepolisan untuk sentiasa berada dalam keadaan siap siaga, bertindak pantas dan efisien dalam menjaga keselamatan masyarakat dan negara.

Trend semasa perlakuan jenayah scam dan jenayah siber menjadi tumpuan utama masyarakat dunia pada masa sekarang. Kedua-dua jenayah tersebut adalah tergolong di bawah jenayah komersil. Persepsi

masyarakat terhadap jenayah ini secara langsung berkait dengan tugas-tugas JSJK. Oleh itu, bagi menampung keperluan perjawatan kritikal di JSJK, PDRM telah melaksanakan pengukuhan perjawatan secara bersasar bagi memastikan kes-kes komersil dapat ditangani secara tidak langsung memastikan komitmen berterusan PDRM dalam membanteras sindiket-sindiket scammer yang aktif.

PDRM juga telah melaksanakan pengukuhan perjawatan di Pasukan Gerakan Am (PGA) di seluruh Malaysia bagi menangani isu-isu jenayah rentas sempadan dan juga sebagai persediaan bagi ancaman di sempadan negara terutamanya di Sabah dan Sarawak ekoran perpindahan Ibu Kota Jakarta ke Kalimantan.

Segala inisiatif ini adalah bagi memastikan PDRM sentiasa komited dalam memastikan mutu penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat di tahap terbaik dan seterusnya menjadikan Malaysia negara yang selamat, aman dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya dalam memudahkan urusan keluar-masuk di pintu-pintu sempadan darat dan air di sempadan negara Malaysia - Thailand. Pintu sempadan di perairan Malaysia - Thailand ditutup disebabkan oleh wabak COVID-19 dan sehingga kini belum dibuka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pembukaan semula sepenuhnya sempadan negara pada 1 April 2022, kesemua lapan (8) pintu masuk darat dan dua (2) pintu masuk laut Malaysia-Thailand telah dibuka secara berperingkat.

Ini termasuklah bagi pintu masuk Wang Kelian, Padang Besar, Kota Putra, Bukit Kayu Hitam, Bukit Berapit, Bukit Bunga, Rantau Panjang dan Pengkalan Kubur bagi laluan darat manakala pintu masuk Kuah dan Telaga Harbour bagi laluan laut.

Bagi memudahkan aliran keluar masuk di pintu-pintu masuk ini, Kementerian ini melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited untuk memastikan pembukaan semua kaunter pada musim puncak termasuk menyediakan pasukan *Quick Response Time* (QRT) bagi menyokong pengoperasian kaunter-kaunter berkenaan.

Pintu masuk laut Kuala Perlis – Satun pula tidak pernah ditutup termasuklah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang pandemik COVID-19. Pintu ini dikhaskan bagi urusan *barter trade* dan telah berjalan seperti biasa kerana urusan ini dianggap sebagai perkhidmatan perlu semasa PKP. Sebarang keperluan untuk menaik taraf jeti ini bagi kegunaan feri penumpang perlulah dimohon kepada Kementerian Pengangkutan memandangkan fasiliti sedia ada tidak mempunyai infrastruktur yang bersesuaian bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek cadangan pembinaan Kompleks Pendidikan Khas Taiping di Mukim Simpang, Taiping, Perak yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas RMKe-12 Rolling Plan 2 (RP2) Tahun 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pembinaan Kompleks Pendidikan Khas Taiping Fasa1 telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia untuk dilaksanakan dengan kaedah pelaksanaan secara Konvensional Perunding. Sehingga 3 Oktober 2024, pelaksanaan projek adalah dalam peringkat akhir memuktamadkan reka bentuk.

Berdasarkan Makmal Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering – VE*) yang telah diadakan pada 6 hingga 9 Ogos 2024, mendapati berlakunya kenaikan kepada kos projek. Berikutan itu, terdapat keperluan untuk meneliti semula beberapa perkara teknikal yang berkaitan. Reka bentuk dan kos yang dimuktamadkan akan dibentangkan semula di dalam pemurnian Makmal VE yang akan diadakan pada 12 hingga 15 November 2024. Iklan tender akan diklankan setelah semua proses berkaitan pemurnian VE selesai. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 42 bulan dengan mengambil kira tempoh kerja rawatan tanah. Projek dijangka siap pada Julai 2028.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB  
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status perancangan baharu pihak Kementerian terhadap kuarters guru SMK Tajar dan SMK Mergong yang terbiar kerana kuarters tersebut telah menjadi sarang penagih dadah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana pendidikan termasuk kuarters guru yang selamat dan kondusif untuk diduduki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuarters guru di SMK Mergong terdiri daripada 112 unit dengan kadar pengisian semasa sebanyak 71 unit berpenghuni dan baki 41 unit adalah tidak berpenghuni. Pada tahun 2024, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM250 ribu untuk menyelenggara kuarters tersebut demi menjamin keselesaan penghuni sedia ada dan seterusnya menyasarkan pelaksanaan penyelenggaraan baki kuarters kosong di sekolah tersebut jika terdapat permintaan untuk diduduki pada tahun 2025.

Bagi kuarters SMK Tajar pula, sebanyak 100 buah unit kuarters yang tidak berpenghuni. Analisis penilaian *Building Condition Assessment* (BCA) dan analisis lokaliti oleh KPM mendapati kuarters tersebut sesuai ditukar fungsi memandangkan tiada permintaan daripada warga KPM untuk menduduki kuarters tersebut.

Sehubungan itu, KPM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah sedang dalam tindakan menukar fungsi kuarters SMK Tajar untuk kegunaan lain yang boleh mendatangkan manfaat kepada komuniti setempat. KPM juga akan menyediakan peruntukan bagi menyelenggara kuarters institusi pendidikan (KIP) SMK Tajar untuk membendung lokasi tersebut daripada terus menjadi sarang penagihan dadah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian sebenar Kementerian berhubung isu sumbangan syarikat berunsur minuman beralkohol dan memabukkan kepada institusi pendidikan dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk melindungi murid dan warga sekolah daripada pengaruh negatif khususnya dalam kawasan sekolah, termasuk daripada produk berbahaya seperti tembakau dan alkohol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018 : Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Mac 2018.

Garis panduan yang dikeluarkan ini menjelaskan tatacara pelibatan sektor swasta dan bukan swasta dalam penyaluran dan penerimaan sumbangan oleh sekolah bawah KPM yang tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar kerajaan Malaysia.

Dalam perkara ini, KPM juga berpegang kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Julai 2024 yang bersetuju untuk mengekalkan garis panduan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH  
[INDERA MAHKOTA]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat penambahbaikan terhadap garis panduan yang melarang penerimaan dana daripada syarikat produk tembakau dan alkohol ke atas sekolah-sekolah dan adakah ia dikenakan ke atas semua sekolah atau hanya ke atas sekolah tertentu sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk melindungi murid dan warga sekolah daripada pengaruh negatif khususnya dalam kawasan sekolah, termasuk daripada produk berbahaya seperti tembakau dan alkohol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018 : Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Mac 2018.

Garis panduan yang dikeluarkan ini menjelaskan tatacara pelibatan sektor swasta dan bukan swasta dalam penyaluran dan penerimaan sumbangan oleh sekolah bawah KPM yang tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar kerajaan Malaysia.

Dalam perkara ini, KPM juga berpegang kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Julai 2024 yang bersetuju untuk mengekalkan garis panduan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesan penyakit "*sooty mould*" terhadap pengeluaran sawit terutamanya di negeri Sabah dan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi menangani penyakit tersebut khususnya di kalangan pekebun kecil sawit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyakit “*sooty mold*” atau kulapuk jelaga ini berpunca daripada serangan koya yang menyerang daun pokok sawit. Kehadiran populasi koya di ladang sawit adalah perkara semula jadi dan sebelum ini tidak pernah menyebabkan serangan yang serius. Namun, serangan koya yang terkini di Sabah telah mengakibatkan serangan kulapok jelaga yang serius dan meluas. Serangan kulapok jelaga yang melitupi permukaan daun sawit terutamanya bahagian atas daun menyebabkan kadar fotosintesis berkurangan. Serangan yang serius boleh menyebabkan **penurunan hasil sawit sehingga 20%**.

2. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) telah menubuhkan **Jawatankuasa Tindakan Koya dan Kulapuk Jelaga** di Sabah bagi menangani masalah serangan koya. Jawatankuasa ini turut disertai oleh pengusaha ladang-ladang komersial dan pekebun kecil. Selain itu, KPK dengan kerjasama pihak industri sedang membangunkan dokumen **Prosedur Operasi Piawai (SOP)** Kawalan Koya dan Kulapuk Jelaga yang dijangka akan dikeluarkan dalam masa terdekat untuk membantu penanam sawit menangani masalah ini dengan lebih berkesan. Pegawai TUNAS turut menjalankan **program kesedaran** serangan koya dan “*sooty mold*” dengan meluas di Sabah untuk membantu pekebun-pekebun kecil sawit khususnya dalam memahami dan mempelajari kaedah dan strategi kawalan yang berkesan untuk perosak ini.

3. Setakat ini, racun perosak berdaftar untuk kawalan penyakit ini adalah melalui kaedah **suntikan batang** menggunakan racun Acephate. Rawatan suntikan batang akan dilaksanakan ke atas pokok-pokok matang yang tinggi. Bagi pokok sawit muda yang rendah, **semburan agen biologi** adalah menggunakan traktor semburan atau alat lain yang bersesuaian. **Pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu** (Integrated Pest Management, IPM) yang mengutamakan kawalan secara lestari / kawalan biologi yang lebih mesra alam juga akan diperkenalkan.

4. KPK juga telah membuat permohonan peruntukan sebanyak RM10 juta sebagai **tabung kecemasan** untuk kawalan perosak dan penyakit sawit termasuk serangan kulapok jelaga. Sekiranya peruntukan ini diluluskan, ianya akan memudahkan dan mempercepatkan tindakan diambil dalam mengatasi isu-isu penyakit dan perosak seumpama ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan matlamat yang ingin dicapai dalam Kurikulum Persekolahan 2027 dan strategi Kementerian mengintegrasikan pembelajaran berasaskan digital dan teknologi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum Persekolahan 2027 bermatlamat melahirkan insan sejahtera yang mengamalkan kehidupan seimbang dalam segala aspek, sentiasa membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, menghargai perpaduan dan keharmonian kaum serta mampu membangunkan hubungan sosial yang sihat dalam lingkungan kehidupan. Individu ini, seterusnya, akan menjadi warganegara yang beradab, bertanggungjawab dan berdaya saing. Konsep insan sejahtera ini juga menekankan kepada keterangkuman semua pihak, iaitu tidak ada pihak yang akan terpinggir atau ketinggalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai persediaan kepada pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027, KPM mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan pengintegrasian teknologi berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan reformasi pendidikan dilaksanakan secara berterusan agar sistem pendidikan negara berada dalam landasan tepat ke arah melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing.

Antara tindakan yang diambil ialah menjadikan Fasih Digital satu daripada kompetensi dalam kerangka Kurikulum Persekolahan 2027. Kompetensi Fasih Digital ini akan diterapkan dalam pembelajaran berdasarkan Standard Kompetensi Digital Murid. Sehubungan dengan itu, Dasar Pendidikan Digital telah dirangka dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023 serta akan diluncurkan pada 28 November 2023.

KPM juga akan melaksanakan 41 Inisiatif Dasar Pendidikan Digital (DPD) seperti meneruskan projek pembekalan peranti PdP di makmal komputer, menyediakan Kelas Pintar dan menaik taraf Pelantar DELIMa 3.0. Selain itu, KPM menyediakan pelan intervensi berdasarkan Standard Kompetensi Digital Murid bagi memastikan semua murid berpeluang mencapai tahap minimum kompetensi digital. Matlamat KPM mensasarkan sekurang-kurangnya 90 peratus murid mencapai tahap pertengahan (skor 3.0 ke atas) dalam ujian kompetensi digital murid menjelang 2030.

KPM juga telah bekerjasama dengan rakan strategik untuk mengintegrasikan kemahiran digital ke dalam PdP. Seramai 500 orang guru telah dilatih oleh Pixlr untuk menggunakan aplikasi Pixlr berkaitan penggunaan AI dalam PdP. Microsoft juga telah melancarkan *AI Classroom Toolkit* bagi meningkatkan kemahiran guru dalam penggunaan AI dalam bilik darjah di samping memberi kesedaran tentang aspek keselamatan ketika menggunakan AI. KPM juga telah bekerjasama dengan *Apple Professional Learning Specialist* melalui *Program Apple Learning Coach*. Program ini merupakan pensijilan profesional secara percuma bertujuan untuk memastikan pakar pembimbing dilatih bagi membantu guru memanfaatkan teknologi Apple seterusnya mengintegrasikan dalam PdP dengan berkesan.

Dalam pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027, KPM akan mengoptimumkan penggunaan teknologi bagi menyediakan ekosistem pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

KPM yakin usaha yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pendidikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan komprehensif Kementerian menangani kelemahan tahap penguasaan literasi dan numerasi murid Tahap Satu di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap isu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) dan KPM telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Intervensi Kurikulum yang dianggotai oleh Bahagian KPM dan ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan bagi menangani masalah tersebut secara lebih berfokus. Pasukan Petugas ini bertanggungjawab merangka pelan komunikasi strategik, menentukan aktiviti utama dan sokongan intervensi kurikulum serta memantau pelaksanaannya. Salah satu inisiatif intervensi kurikulum ialah Pengesanan Awal Literasi dan Numerasi.

Pengesanan literasi dan numerasi murid Tahun 1 ini bertujuan untuk mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta memerlukan intervensi awal yang bersesuaian dengan kebolehan, keupayaan dan gaya pembelajaran mereka. Pengesanan awal melalui Pentaksiran Bilik Darjah dilaksanakan setelah murid mengikuti persekolahan selama tiga bulan. Murid yang telah dikenal pasti akan mengikuti program intervensi bagi membantu mereka menguasai literasi dan numerasi supaya dapat membina keyakinan diri untuk belajar dan berkomunikasi dengan berkesan. Bagi Sesi Akademik 2024/2025, program intervensi Tahun 1 dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan mulai Julai hingga September oleh semua guru mata pelajaran Tahun 1.

Bagi jangka masa panjang, KPM menyusun semula tahap persekolahan di sekolah rendah dalam Kurikulum Persekolahan 2027. Fokus Tahap I adalah kepada penguasaan literasi dan numerasi. Murid perlu menguasai literasi dan numerasi bagi membolehkan mereka bersedia mengikuti pembelajaran di tahap seterusnya dan tidak tercicir dalam pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga melaksanakan Program Pemulihan Khas dalam usaha membantu murid menguasai kemahiran asas tersebut. Murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang mengikuti program ini akan dibimbing secara khusus oleh guru pemulihan. Murid ini akan diberi bimbingan secara berfokus di Kelas Pemulihan Khas bagi

membantu mereka menguasai 3M.

Bagi murid yang telah menguasai 3M, mereka akan dilibatkan dalam Program Literasi dan Numerasi (PLaN) untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran. Murid ini akan terus dibimbing dan dipantau untuk mencapai tahap penguasaan minimum yang ditetapkan.

Selain itu, autonomi juga diberikan kepada sekolah untuk melaksanakan intervensi mengikut kesesuaian persekitaran dan keperluan murid. KPM turut membekalkan bahan bantu belajar untuk murid dan modul bimbingan kepada guru khususnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran terbeza.

KPM turut mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia melalui Unit Pantau Madani dan Yayasan Hasanah dalam pelaksanaan Program Anak Kita: Semarak Potensi Malaysia. Program ini merupakan satu daripada inisiatif bagi memberi intervensi serta membantu murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang terlibat dalam pemulihan khas secara berfokus di tujuh negeri, iaitu Kedah, Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Seramai 53,252 orang murid daripada 1,289 buah sekolah rendah dilibatkan dalam program ini.

KPM yakin bahawa program yang disusun ini dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam 3M.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN  
[TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah- langkah Kementerian dalam menangani masalah banjir di Pantai Bersih, Bagan Ajam, dan sekitar Sungai Jarak, Sungai Kereh dan Sungai Korok (dalam Tasek Gelugor) bagi mengelakkan kerugian berulang kepada rakyat setempat akibat banjir yang berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai di Pesisir Pantai Bagan Ajam, Daerah Seberang Perai Utara dengan kos berjumlah RM8.88 juta. Kerja fizikal telah bermula pada Mac 2024 dan kemajuan terkini di tapak adalah 24%. Berdasarkan perancangan, projek ini dijangka siap pada Mac 2026.

2. Selain itu, sebagai langkah struktur dan penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir di Parlimen Tasek Gelugor, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Sejumlah RM1.5 juta telah disalurkan di kawasan Parlimen Tasek Gelugor pada tahun 2022 hingga tahun 2023 untuk pelaksanaan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Manakala pada tahun ini, sebanyak sembilan (9) sebutharga telah mula dilaksanakan dengan peruntukan RM960 ribu dan dijangka siap menjelang Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID  
[PADANG TERAP]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pelan strategik jangka panjang Kementerian bagi aspek peremajaan sektor agrikomoditi terutamanya getah dan sawit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara inisiatif sektor sawit bagi memastikan sektor sawit sentiasa mampan dan berdaya saing adalah:

- i. Melaksanakan program tanam semula sawit bagi kawasan sawit yang tua untuk memastikan produktiviti pengeluaran sawit tidak terjejas. Program tanam semula sawit terutamanya dalam kalangan pekebun kecil terus diberi perhatian dengan sasaran penanaman semula sawit seluas 77,000 hektar untuk tempoh 5 tahun akan datang (2025-2029). Dalam hal ini, bantuan tanam semula akan diteruskan dengan peruntukan yang sewajarnya bagi mencapai sasaran ini;
- ii. Meningkatkan R&D bagi menghasilkan tanaman sawit berhasil tinggi melalui teknik kultur tisu dan pengeluaran benih konvensional untuk memenuhi permintaan penanaman. Kini Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melancarkan tiga klon komersial iaitu *Clonal Palm Series 1 (CPS1)*, CPS2 dan CPS3 bagi meningkatkan hasil dan produktiviti; dan
- iii. Memudahkan penerimgunaan teknologi automasi, mekanisasi dan IR4.0 untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti. R&D bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti tenaga kerja pada peringkat hulu akan terus disokong melalui kerjasama pihak awam dan swasta untuk menggiatkan automasi dan mekanisasi operasi di lapangan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

2. Berkenaan Sektor Getah pula, DAKN2030 memberi tumpuan kepada usaha untuk menggiatkan aktiviti pada peringkat hulu dan peringkat hiliran. Antara inisiatif memastikan sektor getah sentiasa mampan dan berdaya saing adalah:

## NO SOALAN : 41

- i. Mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk penanaman getah berskala besar bagi melaksanakan inisiatif konsolidasi pekebun kecil getah. Usaha ini melibatkan tindakan mengenal pasti kawasan getah matang yang terbiar/ tidak bertoreh dan seterusnya mewujudkan Special Purpose Vehicle (SPV) atau konsolidasi tanah-tanah kecil ini ke dalam satu pentadbiran supaya aktiviti berskala besar dan lebih ekonomi dapat dilakukan. Usaha ini dijangka dapat memastikan bekalan getah yang konsisten untuk negara sekali gus mengurangkan import getah asli dan mampu untuk mengukuhkan mata wang negara dalam jangka masa panjang.
- ii. Melaksanakan inisiatif konsolidasi pekebun kecil getah bagi meningkatkan pengeluaran dan hasil getah asli negara. Ekonomi skala dan penambahbaikan pengurusan akan membolehkan ladang getah dikendalikan dengan cekap termasuk penanaman semula mengikut jadual dan pengurusan pekerja yang baik.
- iii. Menggiatkan peranan pekebun kecil melalui pengukuhan koperasi terutamanya melalui Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET) bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan memastikan pekebun kecil getah disokong sepenuhnya dengan lebih cekap bagi menghasilkan bahan mentah yang konsisten; dan
- iv. Memperkukuh khidmat nasihat dan pengembangan kepada pekebun kecil seperti penerapan amalan pertanian baik, penanaman semula klon hasil tinggi, penggunaan teknologi penuaian seperti RRIMFLOW, perangsang gas dan sistem torehan intensiti rendah (*Low Intensity Tapping System- LITS*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian terkini Kementerian berkaitan status quo UITM khususnya untuk program pendidikan lanjutan bidang kardiotoraks.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Universiti Teknologi MARA (UiTM) masih menawarkan Program Kardiotorasik UiTM dengan syarat kemasukan sedia ada.
2. UiTM telah menerima Perakuan Akreditasi Sementara bagi program Sarjana Sains Surgeri (Kardiotorasik) dan Kedokteran Surgeri Kardiotorasik pada 13 Ogos 2020 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA). Dengan adanya kelulusan ini, UiTM diiktiraf sebagai pusat pendidikan tinggi untuk latihan kepakaran kardiotorasik.
3. Pengambilan pelajar kohort pertama bagi **program Sarjana** telah bermula pada 1 Disember 2020. Manakala pengambilan pelajar kohort pertama bagi **program Kedokteran** telah bermula pada 1 Disember 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk meringankan bebanan lebih 10,000 pengusaha kantin sekolah yang menjangkakan akan berlakunya kenaikan harga pada tahun depan menurut Persatuan Pengusaha Kantin Sekolah Malaysia (PPKSM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan prihatin terhadap nasib pengusaha kantin sekolah. KPM juga mengambil maklum dengan kenaikan harga barang dan peningkatan kos bahan mentah yang memberi kesan kepada pengusaha kantin sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengusaha kantin akibat kenaikan harga barang dan peningkatan kos bahan mentah, kerajaan dan KPM khasnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu pengusaha kantin sekolah seperti berikut:

- i. bantuan RM1,500.00 kepada pengusaha kantin sekolah bawah KPM pada tahun 2020;
- ii. pengecualian pembayaran sewaan kantin sekolah bawah KPM bagi bulan Mac 2020 hingga November 2020
- iii. pengecualian pembayaran sewaan kantin sekolah bawah KPM bagi Januari 2021 hingga Disember 2021;
- iv. bantuan RM1,000.00 kepada pengusaha kantin sekolah melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada tahun 2021;
- v. penyambungan kontrak sewaan kantin secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun bagi kontrak asal yang tamat pada tahun 2021 dan 2022.
- vi. pengecualian sewaan kantin bagi tempoh 11 bulan bermula Januari 2022 hingga November 2022.
- vii. pengecualian sewaan kantin dan premis/ruang di sekolah-sekolah KPM selama tiga bulan bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2023 melalui surat pemakluman rujukan KPM.200/4/2/1/Jld.22 (96) bertarikh 4 Januari 2023.

Inisiatif-inisiatif ini adalah tanda keprihatinan KPM dalam konteks membantu meringankan beban pengusaha kantin akibat kenaikan harga semasa bahan mentah dan membantu mereka menyusun semula perniagaan selepas pandemik COVID-19. KPM percaya dengan inisiatif ini

dapat membantu pengusaha-pengusaha kantin menyusun semula strategi perniagaan dan menjana pendapatan mereka.

Berdasarkan buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat yang terkini terbitan tahun 2011, adalah menjadi tanggungjawab pihak Pengetua atau Guru Besar memastikan pengusaha kantin menjual makanan mengikut senarai barang-barang makanan dan minuman yang terdapat dalam sebut harga. Manakala, dalam Perjanjian Penyewaan dan Pengurusan Kantin Sekolah yang ditandatangani oleh pihak sekolah (mewakili kerajaan) dengan pengusaha kantin sekolah pula, pihak pengusaha kantin sekolah hendaklah memastikan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah adalah pada harga yang berpatutan sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak sekolah.

Walaupun bagaimanapun, pengusaha kantin sekolah boleh mengadakan perbincangan dengan pihak sekolah serta wakil Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG) untuk mendapatkan persetujuan sebelum menaikkan harga jualan makanan di kantin sekolah. Di samping itu, pengusaha kantin adalah tertakluk kepada perjanjian tender yang mereka tandatangi dengan pihak sekolah dan tidak boleh sewenang-nya menaikkan harga jualan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD.  
YASSIN [PAGOH]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keseriusan Kerajaan berhubung pemansuhan undang-undang drakonian seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang masih belum dilaksanakan sehingga kini meskipun termaktub dalam manifesto Pakatan Harapan PRU-15.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sentiasa komited dalam mengkaji dan menambahbaik semua undang-undang di bawah kawal selia Kementerian dan akan terus menyokong reformasi negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

KDN telah melaksanakan satu kajian bagi menilai sama ada pindaan terhadap Akta Hasutan perlu dibuat supaya ianya seiring dengan peredaran masa bagi menangani isu terutamanya melibatkan pelanggaran daripada elemen 3R (Race, Royalty dan Religion).

Bagi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, ianya merupakan akta di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi. Pindaan berhubung akta tersebut sedang diperhalusi oleh Kementerian Komunikasi sebagai langkah memperbaiki aspek keselamatan dan rangkaian susulan peningkatan penggunaan dan kebergantungan orang ramai terhadap perkhidmatan digital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
[KUALA LANGAT]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR  
menyatakan :**

(a) apakah pindaan pelan naik taraf Pantai Morib telah dimuktamadkan;  
dan

(b) apakah reka bentuk yang terkini dan perincian kosnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan pelan projek Pemulihan Pantai Morib khasnya untuk skop penyuburan pantai (*beach nourishment*) telah pun selesai dimuktamadkan.
2. Pindaan adalah melibatkan jarak tebing (*dry-berm*) daripada 150 meter kepada 100 meter. Selain itu, kedudukan tembok laut (*seawall*) juga dianjakkan ke hadapan, menghala garis pantai, iaitu 5 meter daripada kedudukan tembok sedia ada. Pindaan rekabentuk ini turut mengambilkira laluan nelayan dan keadaan semasa Pantai Morib serta mengurangkan implikasi terhadap hidupan akuatik.
3. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek ini telah mula dilaksanakan pada September 2023 dengan kos kontrak berjumlah RM47.3 juta. Kemajuan semasa di tapak adalah 37% dan berdasarkan perancangan, projek akan siap pada Julai 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]**  
**TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan formula yang diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan bagi menentukan jumlah Pemberian Khas Kepada wilayah Sabah dan Sarawak daripada tahun 2022 hingga 2024 dan tahun yang akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui platform Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63), komited untuk merundingkan kadar pemberian khas baharu kepada Sabah dan Sarawak. Kadar baharu pemberian khas ini telah mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa ini, terdapat kes semakan kehakiman di mahkamah yang sedang berjalan mengenai tuntutan yang sama, iaitu kes Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia (NO.BKI-25-14/6-2022). Oleh itu, pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat kerana tidak menepati Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang mengelencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam timbangan mahkamah (*sub judice*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM  
[PENDANG]**  
**TARIKH** : **26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah respons Kerajaan berhubung kejatuhan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) oleh Syarikat S&P yang mengukur prestasi sektor pembuatan kepada 49.7 mata di bawah paras neutral 50 bagi Julai 2024 akibat kenaikan kos barang pembuatan susulan penyasaran harga diesel sejak Jun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan penyiasaran rasionalisasi subsidi bahan api diesel secara lebih bersasar adalah bertujuan bagi mengoptimumkan sumber kewangan Kerajaan manakala penjimatan yang diperolehi akan dapat diagihkan semula secara lebih saksama. Pengukuhan kedudukan kewangan negara akan seterusnya mewujudkan ruang fiskal yang lebih besar bagi melaksanakan program dan projek yang lebih produktif kepada ekonomi dan memberi impak yang maksimum kepada kesejahteraan hidup rakyat.

Indeks Pengurus Pembelian (PMI) merupakan antara penunjuk ekonomi yang digunakan untuk menilai prestasi sektor pembuatan. Berdasarkan kepada rekod PMI sektor pembuatan Malaysia bagi 2023 dan 2024, rekod pencapaian bulanan PMI sektor pembuatan bagi 2024 boleh dianggap lebih baik dan stabil berbanding 2023. Rekod bacaan tertinggi PMI sektor pembuatan Malaysia bagi 2024 dicatatkan pada tahap 50.2 mata pada Mei 2024 manakala bacaan terendah direkodkan pada tahap 48.4 mata pada Mac 2024. Sementara itu, rekod bacaan tertinggi bagi 2023 pula direkodkan pada tahap 48.8 mata pada Mac dan April 2023 manakala bacaan terendah pada tahap 46.5 mata pada Januari 2023.

Sehubungan itu, langkah penyiasaran rasionalisasi subsidi bahan api diesel yang dilaksanakan Kerajaan pada Jun 2024 bukanlah penyebab utama kepada kenaikan kos barangan sektor pembuatan yang seterusnya membawa kepada kejatuhan PMI yang direkodkan pada Julai 2024. Kejatuhan minimal yang direkodkan dari tahap 49.9 mata pada Jun 2024 kepada 49.7 mata pada Julai 2024 boleh berpunca daripada pelbagai risiko ekonomi seperti permintaan luar yang lebih lemah, pengurangan aktiviti pembelian dan inventori oleh firma serta gangguan rantai bekalan. Namun demikian, Kerajaan akan terus memantau pelbagai risiko ekonomi dan menguruskan sebarang kejutan luar yang boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat dan perniagaan.

Tambahan pula, PMI sektor pembuatan Malaysia bagi bulan Julai 2024 berada pada tahap 49.7 mata iaitu di bawah paras neutral 50 mata **bukanlah satu-satunya indikator prestasi keseluruhan** bagi sektor pembuatan Malaysia pada tempoh tersebut. Malah, **terdapat penunjuk ekonomi lain bagi sektor pembuatan yang mencatatkan kedudukan yang baik bagi bulan berkenaan** antara lain termasuk prestasi indeks pengeluaran perindustrian (IPI) yang meningkat sebanyak 5.3% (Julai 2023: 0.4%), indeks sektor pembuatan dalam IPI meningkat kukuh sebanyak 7.7% (Julai 2023: -0.2%) dan juga nilai jualan sektor pembuatan meningkat sebanyak 9.1% kepada RM157.1 bilion (Julai 2023: -3.0%; RM143.9 bilion). Tambahan pula, indeks PMI bulan Julai 2024 yang direkodkan pada tahap 49.7 mata tersebut sebenarnya menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding indeks bagi bulan Julai 2023 yang mencatat bacaan lebih rendah pada tahap 47.8 mata.

Sekian, terima kasih.